



Nenek usia 96 tahun semangat ke sekolah

44 Ahad 22/04/16
Ms. 42

Placios belajar bersama rakan sekelas berusia 8 dekad lebih muda

Tuxtla Gutierrez, Mexico

Sya di sebuah sekolah menengah di Mexico, bukan hanya kerana rambut putihnya, tetapi seribu kedaduan yang sebenar.

Beliau yang ingin memenuhi impiannya menamatkan persekolahan peringkat tinggi menjelang ulang tahun ke-100, adalah seorang pelajar yang sangat bersemangat di kelas.

Hadiril kelas tarian

“Saya bersedia memberi yang terbaik. Hari ini sangat luar biasa,” katanya yang kemasi berpakaian seragam sekolah pada Isnin, hari pertama persekolahan di sebuah sekolah menengah di selatan negeri Chiapas.

Ketika mencecah usia dewasa, beliau terus sibuk bekerja menjual ayam di pasar, pernah berumah tangga sebanyak dua kali dan dikurniakan empatan cahaya mata.

Palacios sangat menonjol di kelas-

nya di sebuah sekolah menengah di Mexico, bukan hanya kerana rambut putihnya, tetapi seribu kedaduan yang sebenar.

Beliau yang ingin memenuhi impiannya menamatkan persekolahan peringkat tinggi menjelang ulang tahun ke-100, adalah seorang pelajar yang sangat bersemangat di kelas.

Rajin tulis nota

Nenek luar biasa ini juga menuis nota dengan teliti untuk kelas kimia dan matematik yang dihadirinya. Lebih menarik lagi, beliau turut menghadiri kelas tarian.

Sepanjang usia mudanya, Palacios hanya sempat belajar matematik, tetapi tidak pernah membaca dan menulis.

Sebaik sahaja mencecah usia 92 tahun, beliau memutuskan sudah tiba masa untuk dirinya mempelajari ilmu literasi.

“Sekarang saya sudah boleh menulis surat untuk teman lelaki,” katanya sambil ketawa.

Terkenal dengan panggilan ‘Dona Lupita,’ beliau mendapat tepukan ge-

Palacios membaca surat kabar ketika ditemui di rumahnya di Tuxtla Gutierrez, Mexico, baru-baru ini.

muruh daripada rakan sekelas di Sekolah Menengah No 2, bandar Tuxtla Gutierrez.

Rajin tulis nota

Nenek luar biasa ini juga menuis nota dengan teliti untuk kelas kimia dan matematik yang dihadirinya. Lebih menarik lagi, beliau turut menghadiri kelas tarian.

Sepanjang usia mudanya, Palacios hanya sempat belajar matematik, tetapi tidak pernah membaca dan menulis.

Sebaik sahaja mencecah usia 92 tahun, beliau memutuskan sudah tiba masa untuk dirinya mempelajari ilmu literasi.

“Sekarang saya sudah boleh menulis surat untuk teman lelaki,” katanya sambil ketawa.

Beliau sebenarnya memulakan usaha menyambung pendidikan pada 2015, dengan menyertai program pembelajaran dewasa di sekolah rendah.

Pengajian rendah, menengah

Beliau hanya mengambil kurang dari empat tahun untuk menamatkan kedua-dua pengajian di peringkat rendah dan menengah.

Bagaimanapun, sekolah terbabit tidak menyediakan program peringkat tinggi, membuatkan beliau terpaksa memilih untuk mendaftar di sekolah biasa bersama dengan rakan sekelas yang berusia lapan dekad lebih muda.

Nenek ini bercita-cita untuk menjadi guru tadik sebaik sahaja menamatkan persekolahannya. **AFP**



Saya
bersedia
memberi
yang
terbaik”

**Guadalupe
Placios,**
Pelajar tua